

PERASMIAN PEMBUKAAN MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA

16 SEPTEMBER 1981

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya hadir pada hari ini untuk merasmikan Pembukaan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.

2. Selaku Menteri Pertahanan, saya berasa amat bangga dengan Angkatan Tentera khususnya dan Kementerian Pertahanan amnya, yang telah berjaya menubuhkan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera ini. Kepada semua yang berkenaan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya percaya bahawa seluruh rakyat akan bersama-sama dengan Kerajaan mengalu-alukan penubuhan Maktab ini, yang juga melambangkan satu lagi tahap kemajuan negara kita.

3. Sesungguhnya adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk sentiasa berusaha bagi meningkatkan lagi mutu profesyenalisma semua perkhidmatan Kerajaan, baik perkhidmatan awam mahupun perkhidmatan tentera. Kecekapan dan keupayaan serta kejujuran tiap-tiap perkhidmatan akan dapat membantu dalam usaha-usaha pembangunan negara.

4. Sebagai sebuah negara yang merdeka Malaysia perlu mempunyai satu Angkatan Tentera yang cekap dan terlatih untuk memelihara kedaulatan dan keselamatan negara. Dalam hal ini latihan adalah merupakan satu aspek yang sangat penting dalam usaha kita membentuk satu Angkatan Tentera yang mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna dan berkesan.

5. Penubuhan Maktab Pertahanan ini adalah satu lagi kemajuan bagi meningkatkan kemampuan kepimpinan Angkatan Tentera kita. Angkatan Tentera, sebagai satu profesyen, mestilah mempunyai pemimpin-pemimpin yang mahir dalam bidang pengurusan dan pertahanan. Untuk menjalankan Tanggong-jawab mereka pegawai-pegawai Angkatan Tentera kita juga memerlukan pengetahuan dalam berbagai aspek kemasyarakatan. Saya berasa sukacita bahawa kursus di Maktab ini akan merangkumi perkara-perkara tersebut dengan menitikberatkan, antara lain, perancangan dan pelaksanaan gerakan gabungan tiga khidmat, iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara dan juga pengajian strategi.

6. Pada hemat saya, semua pegawai Kerajaan, termasuk juga pegawai tentera, mestilah mempunyai pengetahuan am yang luas dan sentiasa mengikuti perkembangan di dalam dan di luar negeri, terutama sekali mengenai pergolakan di rantau ini serta memahami implikasinya terhadap negara kita. Pengetahuan seperti ini amatlah penting untuk merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pertahanan dan keselamatan negara.

Para hadirin sekalian.

7. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada keselamatan dan pertahanan negara. Peruntukan yang besar telah diberikan kepada keselamatan dan pertahanan negara di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dengan peruntukan ini Angkatan Tentera kita akan diperkuat dan diperbesarkan dari segi bilangan anggotanya, alat-alat kelengkapan dan kemudahan yang lain. Alat-alat dan senjata-senjata yang akan diperolehi kelak adalah yang moden dan 'sophisticated'. Sebagai sebuah negara yang membangun adalah sukar bagi kita untuk membeli alat-alat sophisticated ini dengan banyak. Kita hendaklah sentiasa sedar akan hakikat ini. Oleh yang demikian kita hendaklah menggunakan peruntukan yang besar itu dengan sebaik-baiknya dan dengan cara yang paling berkesan. Untuk mencapai objektif ini kita memerlukan pentadbiran dan pengurusan pertahanan yang cekap dan strategi pertahanan yang baik. Dengan adanya pengurusan yang cekap dan efektif dapatlah kita mengelakkan berlakunya sebarang pembaziran atau 'wastage' dan mengurus pembekalan kelengkapan serta kemudahan untuk Angkatan Tentera kita dengan licin dan teratur. Pengurusan yang baik juga akan menjamin pelaksanaan rancangan-rancangan yang melibatkan kebajikan anggota-anggota Tentera kita dan keluarga-keluarga mereka. Saya rasa dengan adanya Maktab ini perkara-perkara seumpama ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

8. Saya difahamkan bahawa kursus yang pertama di Maktab ini dihadiri juga oleh pegawai-pegawai polis dan awam. Ini adalah satu langkah yang bijak. Pelaksanaan rancangan pembangunan Kementerian Pertahanan melibatkan berbagai agensi termasuk Perkhidmatan Awam. Untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan pembangunan ini dapat dilaksanakan dengan teratur adalah perlu bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam memahami keperluan keperluan serta masalah-masalah pertahanan negara dan Angkatan Tentera. Di samping itu pula pegawai-pegawai tentera perlu memahami cara-cara dan masalah-masalah pentadbiran awam. Melalui persefahaman ini baharulah dapat diwujudkan sikap yang positif

yang akan menentukan kelicinan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan bagi Angkatan Tentera kita. Saya harap pegawai-pegawai dari Angkatan Tentera, Polis dan Perkhidmatan Awam akan menggunakan peluang ini untuk memupuk persefahaman yang lebih erat kerana ketiga-tiga bahagian ini wujud bukan kerana kepentingan masing-masing tetapi kerana kepentingan negara.

Para hadirin sekalian.

9. Maktab Pertahanan Angkatan Tentera ini banyak bergantung kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, Universiti-universiti dan pihak swasta bagi mendapat pegawai-pegawai serta pensyarah-pensyarah untuk memberi syarahan dalam bidang kepakaran yang tertentu. Bantuan dan sumbangan seperti ini adalah sentiasa diperlukan. Sumbangan yang diterima oleh Maktab ini adalah menggalakkan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepada Maktab Pertahanan Angkatan Tentera ini.

10. Saya berharap Angkatan Tentera akan terus berusaha untuk meningkatkan latihan pegawai-pegawai kanannya hingga keperingkat yang lebih tinggi dalam bidang ketenteraan, bidang pengurusan dan bidang-bidang yang lain. Dengan adanya latihan yang tertib dan tersusun kita dapat meningkatkan lagi kecekapan serta kemampuan pegawai-pegawai tentera kita dan amnya Angkatan tentera kita.

11. Seterusnya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua peserta yang akan mengikuti kursus yang pertama kali Maktab ini.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.